

No. Rujukan : LIPM: SPN/BPKB/01/01/4 (12)
Tarikh : 7 Julai 2025

KEPADA YANG BERKENAAN

YBhg. Dato'/ Datuk/Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN MENGENAI KEPERLUAN TRACEABILITY REPORT BAGI PERMOHONAN PENGIMPORAN PRODUK *FABRICATED STRUCTURE*

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan usaha CIDB dalam menambah baik proses kawalan kualiti ke atas produk *fabricated structure* yang diimport, bermula **1 Oktober 2025**, CIDB akan mewajibkan keperluan untuk mengemukakan *Traceability Report* semasa memohon *Certificate of Approval* (COA). Keperluan ini turut diwajibkan bagi pengimport yang menggunakan kaedah *Long Term* melalui pengeluaran *Construction Product Approval* (CPA) oleh pihak *Construction Research Institute of Malaysia* (CREAM), yang mana keperluan *Traceability Report* ini telahpun diwajibkan kepada semua permohonan COA kaedah *Short Term (Full Type Test Report-FTTR)*.

3. *Traceability Report* ini perlu disediakan oleh pihak *fabricator* atau mana-mana *Inspection Body* (ISO/IEC 17020) yang dilantik oleh pengimport/*fabricator*. Berikut adalah maklumat yang perlu ada di dalam *Traceability Report*:

- i. Nama pengimport
- ii. Nama *fabricator*
- iii. Nombor sijil CPA
- iv. Standard dan gred produk
- v. *List of drawing* yang terlibat
- vi. *List of Mill Test Certificate (MTC) for raw material*
- vii. *List of Cutting Planning & Cutting Records*
- viii. Gambar penandaan pada produk
- ix. *Packing List/Product List*

4. Bersama ini dilampirkan contoh *Traceability Report* (rujuk Lampiran A) yang boleh digunakan atau pihak pengimport boleh menggunakan format *Traceability Report* dari pihak *fabricator* dengan syarat semua maklumat yang diperlukan perlu dinyatakan dalam laporan tersebut. Keperluan penandaan produk adalah seperti di Lampiran B.

5. Laporan ini perlu dihantar kepada pihak CREAM untuk tujuan pengesahan dan dikemukakan semasa permohonan COA dibuat melalui sistem ePermit. Sebarang kegagalan mematuhi prosedur ini akan menyebabkan COA tidak dikeluarkan sehingga Ujian Kritikal (*Tensile, Yield Strength, Elongation & Chemical Composition* atau sebarang ujian yang

ditentukan oleh CIDB) dijalankan ke atas keseluruhan konsainan berdasarkan sampling berikut: 1 sampel/250MT/pengilang/jenis/gred. Sekiranya Ujian Kritikal tidak dapat dijalankan ke atas produk berkenaan, arahan untuk **penghantaran semula** ke luar negara akan dikeluarkan kepada pengimport. Pihak CIDB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kos yang terlibat.

6. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung dengan pegawai bertugas:
- i. Cik Mardhiah Nabilah (03-62067636 - mardhiah.nabilah@cidb.gov.my);
 - ii. Pn Sofi Aida (03-62067645 - sofi.aida@cidb.gov.my);
 - iii. Pn Ezza Hanum (03-62067640 - ezza.hanum@cidb.gov.my);
 - iv. En Azizzul (03-62067646 - azizzul@cidb.gov.my);
 - v. En Muammar (03-62067638 - muammar@cidb.gov.my);

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BINA SEMPURNA”



ABDUL RAZAK HUSIN
Pengurus Besar Kanan
Sektor Pematuhan
b.p.: Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

s.k:
Ketua Pegawai Eksekutif
Construction Research Institute of Malaysia (CREAM)
Level 14, CIDB 520,
The MET Corporate Tower,
20, Jalan Dutamas 2,
50480 Kuala Lumpur.

LAMPIRAN A

**- CONTOH FORMAT -
TRACEABILITY REPORT FOR FABRICATED STRUCTURE**

CPA Certificate No.		Client Name	
Component No.		Fabricator Name	
Shop Drawing No.		Fabricator Address	
Cutting Plan No/ Drawing Plan No.		Fabrication Date	

MATERIALS USED

NO	Heat No	Mill Cert. No	Grade	Standard	Supplier

Inspected By:

(Name of Inspector)

Date :

LAMPIRAN B

KEPERLUAN PENANDAAN PRODUK (MARKING REQUIREMENTS)

1. The method of marking shall be in sticker, stamped, labelling, tagged, stencilled or QR Code.
2. The marking must be visible either on the product or its packaging and shall include at least the following:
 - a) Fabricator identification/owner trademark
 - b) Standard reference – CIS 24
 - c) Date of fabrication
 - d) Country of origin
 - e) CREAM CPA Certification Number
 - f) Product name
 - g) Component number